

Zuraida: Penurunan harga minimum rumah untuk warga asing bukan cadangan KPKT

MALAYSIA KINI | Diterbitkan 13 Okt 2019, 8:55 malam | Dikemaskini 13 Okt 2019, 8:55 malam



Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin berkata cadangan untuk menurunkan harga minimum hartanah yang boleh dibeli warga asing - seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 - bukan daripada kementerianya.

"Ramai yang tidak jelas, ingat ini bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)...Ia cadangan dari Kementerian Kewangan.

"Dulu perkara ini bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU), sekarang Kementerian Kewangan yang buat pengumuman," katanya kepada pemberita ketika program di Tanjung Piai, Johor hari ini.

Antara kritikan terhadap Belanjawan 2020 yang dibentangkan di Dewan Rakyat Jumaat lalu ialah penurunan harga minimum bagi hartanah untuk warga asing.

Ia juga antara cadangan yang tidak dipersetujui pembaca *Malaysiakini*, berdasarkan [undian Belanjawan 2020](#).

Zuraida berkata beliau akan berbincang dengan Kementerian Kewangan berkenaan perkara itu, jika ada keperluan untuk berbuat demikian.

"Saya akan rujuk dengan Kementerian Kewangan untuk lihat balik perkara ini dan pertimbangkan semula, jika perlu," katanya.

Hari ini Menteri Kewangan Lim Guan Eng menjelaskan bahawa penurunan itu hanya untuk unit kondominium sedia ada yang tidak terjual dan tidak akan meliputi projek-projek baru.